



YIPPIE!
ANIS
Rasa
Gembira!






ANIS NAK JADI SUPERGIRL

Anis baru habis baca buku Satria Bulan Bintang.

Satria adalah seorang wira yang hebat.

Satria suka menolong orang dalam kesusahan.

Anis pun nak jadi macam Satria.




Anis nak jadi supergirl.


Anis nak bantu semua orang.

Anis nak tolong kawan Anis
dalam pelajaran.

Anis nak beri makan kucing
yang kelaparan.

Anis nak bantu mama dan papa.









ANIS SUKA TOLONG-MENOLONG


Fuuh... Letihnya Anis.

Tadi Anis tolong mama lap tingkap.

Anis tolong papa cuci parit.

Kami sama-sama bersihkan rumah.





Kata papa, tolong-menolong amalan mulia.

Tolong-menolong pupuk semangat kerjasama.

Insyallah Anis akan tolong mereka lagi.

Jaga kebersihan tanggungjawab bersama.

Lagipun, Allah sayang kepada orang yang
suka menolong.





ANIS AKAN SABAR

Aduh, sakitnya lutut Anis!

Petang tadi Anis main kejar-kejar.

Anis terjatuh, kaki Anis berdarah.

Mama bersih dan sapukan ubat.

Anis menangis.

Mama pujuk Anis.


Mama kata Anis kena sabar.

Allah sayang hamba-Nya yang sabar.

Insyallah, Anis akan jadi orang
yang sabar.







ANIS JAGA MASA


Anis baru balik dari sekolah.

Anis ada kerja sekolah.

Anis terus siapkan kerja sekolah.

Selepas itu, Anis solat Zohor.


Mama pesan, solat mesti di awal waktu.




Selesai solat, Anis tolong mama.

Alhamdulillah, semua kerja sudah siap.

Anis gembira sebab dapat gunakan
masa dengan baik.







ANIS MAHU SIHAT

Pesan mama untuk kesihatan Anis:

- ★ Mesti mandi setiap hari.
- ★ Rajin gosok gigi.
- ★ Basuh tangan sebelum makan.
- ★ Makan makanan yang berkhasiat.



☆ Rajin bersenam.

☆ Tidur awal supaya cukup rehat.

Insyallah, Anis akan sentiasa
ingat pesan mama.

Sebab Anis mahu sihat.





zzzzzzzz